



## Petua untuk menggunakan Ejen Penghijrahan Terdaftar

### Apakah OMARA?

OMARA (Office of the Migration Agents Registration Authority) merupakan sebahagian daripada the Department of Home Affairs (the Department). OMARA merupakan badan kawal selia yang memastikan hanya orang yang layak dan wajar sahaja diluluskan sebagai ejen penghijrahan terdaftar, dan menyasat aduan terhadap ejen.

### Memilih ejen penghijrahan

- Semua ejen penghijrahan terdaftar mempunyai Nombor Pendaftaran Ejen Penghijrahan, atau MARN (*Migration Agents Registration Number*).
- Anda dapat memeriksa sama ada seseorang itu terdaftar atau tidak, dengan mencari MARNnya di laman sesawang OMARA.
- **Tiada orang dapat menjamin anda mendapat visa – biar pun ejen penghijrahan terdaftar.**
- Sesiapa yang tidak terdaftar dengan OMARA dilarang memberi nasihat penghijrahan di Australia, kecuali dia mendapat pengecualian. Senarai mereka yang dikecualikan terdapat dalam Borang 956.

### Petua dan petunjuk apabila menggunakan ejen penghijrahan

#### Ejen anda mestilah:

- memberikan anda salinan *Panduan Pengguna (Consumer Guide)* sebaik sahaja dia bersetuju menguruskan kes anda. Anda juga boleh mendapatkannya di laman OMARA.
- memberikan anda senarai *Pernyataan Perkhidmatan (Statement of Services)* yang menyatakan khidmat apa yang dikenakan bayaran, sebelum anda membayarnya.
- memulangkan semua dokumen milik anda dalam masa 7 hari setelah anda memintanya.
- menyimpan semua rekod komunikasi dengan anda dan the Department tentang permohonan anda.

#### Anda patut:

- menyimpan semua dokumen asli anda, seperti pasport dan akuan kelahiran. Kebanyakan dokumen yang the Department perlukan boleh dikemukakan dalam bentuk salinan yang diakui.

- mengesahkan secara bertulis semua perbincangan dan arahan anda kepada ejen. Anda bertanggungjawab atas maklumat yang diberikan kepada the Department – biarpun borang diisi oleh orang lain.
- memahami perkhidmatan apa yang termasuk dalam bayaran ejen. Senarai kadar purata bayaran ejen dapat dilihat di laman OMARA.

### Kekhawatiran tentang ejen penghijrahan anda

- Hubungi OMARA jika anda memerlukan nasihat.
- **Jika anda membuat aduan, permohonan visa anda tidak terjejas.**
- Jika sesiapa memberi bantuan penghijrahan di Australia tanpa terdaftar, laporkan kepada Jabatan ini melalui 1800 009 623.
- Jika tidak mahu lagi menggunakan ejen penghijrahan anda, beritahu the Department dengan melengkapkan Bahagian B dan C Borang 956.

### Periksa sama ada orang itu terdaftar di [www.mara.gov.au](http://www.mara.gov.au):

Search for an agent

Search map

Location  
eg. country, state, city, town, suburb, postcode

Agent  
eg. agent's family name or MARN

Search

More search options Clear

### Penerangan lanjut

Office of the Migration Agents Registration Authority:  
[www.mara.gov.au](http://www.mara.gov.au) atau  
Telefon: 1300 226 272

Department of Home Affairs:  
[www.homeaffairs.gov.au](http://www.homeaffairs.gov.au) atau  
Telefon: 131 881

Untuk bercakap dengan seorang Jurubahasa, hubungi Translation and Interpreting Service (TIS) melalui 131 450.